

Laporan Bank Dunia tolak andaian pembangkang

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Peningkatan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menerusi laporan Bank Dunia daripada 4.9 peratus kepada 5.2 peratus pada Jun tahun ini membuktikan perkembangan ekonomi negara terus kukuh sekali gus menolak andaian pembangkang menyatakan Malaysia bakal bankrap.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr. Baayah Baba** berkata, laporan Bank Dunia itu juga memberi tafsiran baik terhadap pertumbuhan ekonomi, pemimpin serta polisi kerajaan.

"Laporan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia itu adalah satu berita baik untuk negara. Hal tersebut membuktikan ekonomi negara tidaklah seteruk yang dimomok-momokkan."

"Jika dunia melihat betapa positifnya perkembangan ekonomi negara, mengapa kita (pembangkang) hendak memburukkan lagi situasi dengan menyebarkan khabar angin yang tidak sepatutnya, seterusnya menakutkan pelabur asing untuk melabur?" katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Semalam, Bank Dunia menyemak naik unjuran pertumbuhan KDNK negara untuk tahun ini kepada 5.2 peratus daripada 4.9 peratus pada Jun, berikutan pertumbuhan sebenar yang jauh lebih tinggi daripada jangkaan 5.7 peratus pada separuh pertama 2017.

Pada asalnya, Bank Dunia mengunjurkan ekonomi Malaysia hanya berkembang sebanyak 4.3 peratus.

Sementara itu, penganalisis

ekonomi dari Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, unjuran positif tersebut juga didorong oleh penglibatan negara yang tidak hanya tertumpu kepada satu sektor industri semata-mata.

"Malaysia terus memacu ekono-

mi baik apabila menceburi pelbagai sektor termasuk pengilangan, produk dan perkhidmatan. Oleh itu, apabila berlaku penguncupan dalam mana-mana industri, negara boleh terus kekal bersaing kerana tidak bergantung kepada satu komoditi sahaja," katanya.


Ahmed Razman berkata, selain itu, permintaan luar negara (eksport) turut dibantu dengan Ringgit Malaysia lemah berbanding dolar Amerika Syarikat.

"Nilai eksport negara sentiasa melebihi import kerana nilai mata wang rendah dan ini memberi kelebihan kepada pe-

labur untuk terus melabur di negara ini," ujarnya.

Dalam pada itu, pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), **Profesor Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** berkata, walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil tetapi kebanyakannya pelabur asing datang dari negara-negara besar seperti China.

"Saya berpendapat perkara ini juga memberi impak positif kepada perkembangan unjuran tersebut malah negara ini juga dipandang oleh pihak luar apabila kunjungan Datuk Seri Najib Tun Razak berjumpa Presiden AS, Donald J. Trump disambut baik oleh pihak sana," ujarnya.



ABU SOFIAN YAACOB

BAAYAH BABA